

## Bahasa Jakarta dan Argot Indonesia Jakarta.

TESELKIN A.S.

Pada akhir abad 18 dan awal abad 19 sudah ada kelompok besar pendatang dari berbagai daerah Hindia Belanda serta juga India dan negara-negara Asia lain ke Batawia dan sekitarnya.

Pada mula-mulanya, mereka itu adalah budak-budak yang kemudiannya menjadi buruh-buruh bebas sesudah pembatalan sistem perbudakan. Mereka memerlukan semacam bahasa perantara sebagai alat komunikasi dengan perwakilan berbagai bangsa. Hal ini menyebabkan lahirnya alat komunikasi antar-etnik – bahasa (dialek, argot) Betawi yang mula dipakai kelompok-kelompok tersebut. Bahasa ini sejak awal lagi adalah campuran elemen-elemen daripada bahasa Melayu, Sunda, Jawa, Bali dan lain-lain. Peranan penting bahasa Melayu dalam pembentukan bahasa Betawi itu adalah disebabkan tersebarnya bahasa Melayu di Hindia Belanda umumnya dan di Betawi khususnya, sebelum lahirnya bahasa Betawi. Peranan penting orang Jawa dan Sunda dalam pembentukan bahasa Betawi itu adalah kerana mereka sejak dahulu lagi adalah penduduk daerah Betawi dan sekitarnya.

Lama-kelamaan timbullah kampung-kampung pendatang itu yang letaknya agak terpencil. Mereka mendapat nama “Orang Betawi”. Di rumah, mereka menuturkan bahasa ibunda Jawa, Sunda, Bali dan lain-lain. Dengan orang asing, mereka menuturkan bahasa Betawi. Akhirnya, selepas berpuluh-puluh tahun, bahasa Betawi menjadi bahasa ibunda bagi keturunan muda mereka. Dengan itu, lahirlah etnos baru yang kemudian disebut “Orang Betawi” atau “Orang Betawi Asli” di Indonesia.

Menurut penyelidikan sarjana Belanda, Grijns C.D., pada masa permulaan sekitar tahun 1970, kira-kira 2-3 juta orang yang tinggal di Jakarta dan sekitarnya itu mengakui bahasa Betawi sebagai bahasa ibunda mereka. Masa itu, bilangan orang Betawi di Jakarta hanya kira-kira 6% daripada keseluruhan penduduk di kota itu. Tetapi, di sekitar Jakarta terdapat daerah-daerah dengan orang Betawi merupakan majoriti penduduk setempat. Orang Betawi paling banyak tinggal di Bogor, Tangerang dan Bekasi di sekitar Jakarta. Daerah-daerah itu disebut Jabotek (disusun daripada suku kata pertama kota-kota itu). Akan tetapi, dalam batas wilayah Jabotek keseluruhannya, bilangan orang Betawi adalah minoriti berbanding dengan orang Sunda, Jawa, Sumatera dan Tionghua. Kepada orang itu, bahasa Betawi adalah bahasa kedua. Mereka tidak dapat menuturkan bahasa Betawi sebaik seperti orang Betawi sendiri. Oleh kerana itu, semasa menuturkan bahasa Betawi, mereka terpaksa memakai elemen-elemen bahasa ibunda mereka sendiri (Jawa, Sunda dan lain-lain) atau bahasa Melayu (Indonesia). Hal ini

mengakibatkan timbulnya argot-argot campuran (Jawa Betawi, Sunda Betawi, Indonesia Betawi). Argot Indonesia Betawi itu paling sering dipakai, kerana Bahasa Indonesia lain banyak dikenali penduduk Jabotek.

#### ARGOT INDONESIA BETAWI DIPAKAI LEBIH BANYAK DARIPADA BAHASA BETAWI SENDIRI.

Oleh sebab itu, boleh dikatakan bukan bahasa Betawi, tetapi argot Indonesia Betawi dipakai secara meluas di wilayah Jabotek. Dalam itu, kedua-dua bahasa Indonesia dan argot Indonesia Betawi adalah alat komunikasi bagi orang di wilayah Jabotek, walaupun luas dan bidang pemakaiannya berbeza. Argot Indonesia Betawi lazimnya dipakai hanya sebagai bahasa lisan (percakapan) dalam kehidupan sehari-hari. Sekarang, ia dipakai di hampir semua lapisan masyarakat (anak-anak pra-sekolah, murid sekolah, mahasiswa universiti, pekerja, petani dan pegawai). Argot sudah memasuki pawagam, televisyen, surat khabar dan majalah, malahan sampai diterbitkan cerpennya. Di rumah, selain bahasa ibunda Jawa, Sunda, Melayu dan lain-lain, argot juga dipakai.

Oleh kerana luas penyebarannya, argot telah juga mempengaruhi bahasa Indonesia dengan sudah mengandungi sejumlah kata dan elemen fonetik dan nahu argot Betawi. Demikian juga sebaliknya: bahasa Indonesia juga mempengaruhi argot dan bahasa Betawi.

Dengan kata lain, di wilayah Jabotek, sudah dipakai tiga alat komunikasi linguistik di kalangan berbagai suku kaum: bahasa Indonesia, bahasa Betawi dan argot Indonesia Betawi. Ketiga-tiganya berbeza dari segi fonetik, leksika dan nahu.

Bahasa Indonesia adalah alat komunikasi yang paling universal. Bahasa Betawi hanya dipakai orang Betawi asli, manakala argot Indonesia Betawi dipakai kebanyakan penduduk Jabotek sebagai bahasa kedua, selain bahasa-bahasa ibunda mereka.

#### BAHASA ATAU DIALEK BAHASA MELAYU?

Selama berpuluh tahun, kebanyakan sarjana berpendapat bahawa basa Betawi adalah dialek bahasa Melayu. Tetapi, pada masa belakangan ini telah lahir pendapat baru, iaitu basa Betawi adalah bahasa yang tersendiri dan bukannya dialek mana-mana bahasa.

Yang menjadi pokok perbincangan semula basa Betawi adalah bahasa Melayu yang sejak dahulu lagi itu sudah tersebar di wilayah Hindia Belanda, termasuk Jawa Barat. Jumlah terbesar kata dasar basa Betawi itu berasal daripada bahasa Melayu.

Kenyataannya bahawa sejak dahulu lagi salah satu dialek bahasa Melayu sudah menjadi ibu kepada basa Betawi. Belum dibuktikan sampai sekarang bahasa

itu adalah bahasa Melayu. Kita tahu, misalnya, bahasa Latin menjadi ibu kepada bahasa-bahasa Romawi (Latin): Spanyol, Itali, Perancis dan lain-lain. Namun, bahasa-bahasa ini (Spanyol, Itali dan lain-lain) sekarang bukanlah dialek, tetapi bahasa-bahasa yang tersendiri.

Tidak dapat disangkal bahawa memang bilangan terbesar kata dasar basa Betawi berasal daripada bahasa Melayu. Tetapi, banyak kata-kata dasar itu yang bentuk (lafal) dan erti semulanya telah berubah. Yang lebih penting lagi ialah kata-kata jadian itu dibentuk sesuai polanya dengan (contoh) bahasa Jawa, Sunda atau Bali, tidak sesuai polanya dengan bahasa Melayu. Basa Betawi ada sebilangan afiks yang khusus (misalnya afiks kata kerja N- dan -i). Sebilangan afiks (misalnya ke- dan -an) yang bentuknya sama dengan kedua-dua bahasa (Melayu dan Betawi), tetapi ertinya sudah berbeza. Begitu juga dengan kata-kata jadian yang dibentuk dengan cara reduplikasi, dengan ertinya sudah berbeza. Kecuali itu terdapat perbezaan besar dari segi fonetik dan morfologi.

Oleh sebab itu, di bidang fonetik, leksika dan nahu, basa Betawi berbeza dengan bahasa Melayu dan sebaliknya dekat sekali dengan bahasa Jawa dan Sunda.

Berdasarkan kenyataan itu, kami sampai kepada kesimpulan bahawa basa Betawi adalah bahasa tersendiri dengan mempunyai ciri-ciri persamaannya, sekaligus dengan bahasa Jawa, Sunda dan Melayu.

#### DIALEK BASA BETAWI DAN JENIS ARGOT INDONESIA BETAWI.

Basa Betawi terbahagi kepada beberapa dialek yang berbeza daripada segi fonetik, leksika dan nahu. Sarjana Indonesia, Muhajir, berpendapat ada dua dialek pokok: dialek kota Jakarta sendiri dan dialek pinggiran kota - daerah-daerah di sekitar kota Jakarta. Dialek pinggiran kota itu mengandungi lebih banyak kata-kata daripada bahasa Jawa. Oleh sebab itu, ia disebut "Basa ora" (Ora dalam bahasa Jawa bererti tidak). Di samping itu, beliau telah membahagikan dialek kota atas sub-dialek tradisional dan sub-dialek moden. Yang pertama itu adalah lebih konservatif dan dipakai terutamanya di kalangan keturunan yang lebih tua, sedangkan sub-dialek moden itu kurang konservatif dan mempan pengaruh bahasa Indonesia. Sub-dialek ini dipakai terutamanya di kalangan keturunan yang lebih muda. Dalam sub-dialek tradisional pada akhir kata tidak dapat dipakai bunyi "a" yang selalu diganti dengan bunyi "è". Dalam sub-dialek moden pada akhir kata tidak dapat dipakai bunyi "b", "d", dan "g".

Menurut sarjana Belanda, C.D. Grijns, basa Betawi dapat dibahagikan kepada tujuh dialek yang berbeza di bidang-bidang berikut:

1. Jumlah (%) kata-kata basa Betawi yang sesuai dengan kata-kata bahasa tetangga (Jawa, Sunda, Melayu).

2. Perbezaan erti kata-kata yang diambil daripada bahasa-bahasa yang tertentu.
3. Perbezaan cara-cara pembentukan kata jadian.
4. Perbezaan dari segi fonetik.

Batas wilayah dialek-dialek basa Betawi itu tidaklah tetap, kerana orang Betawi berpindah ke tempat tinggal baru dengan membawa dialeknya yang bercampur dengan dialek-dialek setempat. Argot Indonesia Betawi juga mempunyai ciri-ciri *dialectal* dan berhubungan erat dengan dialek-dialek setempat.

#### RUJUKAN

- Виноградов С.А., Заметки о глагольных аффиксах джакартского диалекта, в книге: Восточные языки, Москва 1971.
- Кондрашкина Е.Ф. , Отличительные черты джакартского диалекта и его влияние на развитие индонезийского языка, – в книге: Индонезия. Языковая ситуация и языковая политика, Москва 1986. стр. 79 – 84.
- Севортьян Р.Э., Особенности некоторых аффиксов джакартского диалекта индонезийского языка, в книге – Языки Юго-Восточной Азии, Москва 1970.
- Теселкин А.С., Джакартский язык, в сборнике «Малайско-индонезийские исследования», выпуск XVIII, Москва, 2008, стр. 144 – 166.
- Achmad M.S., *Brandal-brandal Tjiliwung*. Djakarta 1971.
- Adelaar, K. Alexander. Mise au point sur l’histoire linguistique du malais jakartanais, *Archipel*, 47.
- Budiman. *Folklor Betawi*. Jakarta: Pustaka Jaya, 1979.
- Bundari MRE. *Kamus Bahasa Betawi – Indonesia*. Jakarta 2003.
- Chaer Abdul, *Kamus Dialek Jakarta*. Jakarta 1976.
- Dewall, H. A. von, Bataviaasch Maleische Taalstudien, *TBG* 51, Djakarta 1909.
- Grijns, C. D. *Jakarta Malay*, Parts I, II, Leiden 1991.
- Homan J. D., *Handleiding tot de Kennis van het Bataviaasch Maleisch*, Zaltbommel, 1868.
- Ikranagara Kay. *Tata Bahasa Melayu Betawi*. Jakarta 1988.
- Kahler, Hans. *Worterverzeichnis des Omong Djakarta*. Berlin 1966.
- Lumintintang, Yayah B., *Fungsi dan Pemakaian Dialek Djakarta di SMA Djakarta*, Djakarta 1976.
- Madjoindo, A. *Si Dul: Anak Djakarta*. Djakarta 1969.
- Muhajir. *Morfologi Dialek Jakarta*, Jakarta 1984.
- Schuhardt, Hugo. *Über das Malaioportugiesische von Batavia und Tugu*, Wein 1891.
- Wayan Bawa. Kemungkinan asal mula sufiks –in dan simulfiks N—in dalam dialek Jakarta berasal dari bahasa Bali. *Bahasa dan Sastra*, 6.

(Sumber asal kertaskerja dalam bahasa Rusia dengan judul Jakartsky Dialekt yang sudah dibentangkan di Persidangan Persatuan Nusantara 27 April 2008, Moscow).

Penulis dan Penterjemah: Teselkin A.S. Ph D  
Vostochny Universitet,  
Ul. Rozhdestvenka, 12  
107031 Moscow  
Russia

Emel: [teselkin30@mail.ru](mailto:teselkin30@mail.ru)